



Menggalakkan Persaingan,

**Melindungi Anda**

**SURUHANJAYA  
PERSAINGAN MALAYSIA**

L a p o r a n   T a h u n a n   2 0 1 1

Jun - Disember





PERSAINGAN  
MENGHASILKAN  
**KECEKAPAN**

# Kandungan ►

- |    |   |    |                        |
|----|---|----|------------------------|
| 2  | Kata Pengantar Menteri                    | 18 | Akta Persaingan 2010   |
| 4  | Perutusan Pengerusi                       | 20 | Suruhanjaya Persaingan |
| 6  | Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif         | 24 | Ulasan Tahunan         |
| 10 | Berkenaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia | 30 | MyCC dalam Berita      |
| 12 | Anggota Suruhanjaya                       | 33 | Penyata Kewangan       |
| 14 | Struktur Organisasi                       | 47 | Hubungi Kami           |
| 16 | Detik-detik Penting                       |    |                        |





## Kata Pengantar Menteri

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi & Kepenggunaan

2011 menandakan titik perubahan bagi lanskap perniagaan Malaysia, satu anjakan paradigma dalam perniagaan di negara ini, dengan tertubuhnya Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang telah diwujudkan bagi memastikan pematuhan terhadap Akta Persaingan 2010 (AP2010).

Detik-detik perjalanan yang membawa kepada penggubalan AP2010 dan penubuhan MyCC di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah melibatkan perundingan di antara wakil utama dari agensi Kerajaan, dewan perniagaan, persatuan-persatuan dan kumpulan-kumpulan masyarakat sebelum dasar serta rang undang-undang yang muktamad diwartakan pada Jun 2010. Ini diikuti oleh tempoh kelonggaran 18 bulan bagi memberi masa kepada perniagaan-perniagaan untuk mematuhi undang-undang tersebut.

Pelaksanaan undang-undang persaingan telah dikenalpasti sebagai salah satu Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), kerana ianya adalah amat penting bagi membina ekonomi yang sihat serta berdaya saing. Persaingan mampu menggalakkan perniagaan-perniagaan untuk menjadi lebih inovatif serta responsif kepada kehendak pelanggan, di mana ini akan mewujudkan sistem ekonomi yang lebih efisien melalui peletakan harga yang lebih kompetitif dan penawaran pilihan yang lebih banyak. Hasilnya, prestasi ekonomi yang meningkat akan menggalakkan tahap pelaburan sektor swasta yang lebih tinggi serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, sekaligus mencetuskan satu kitaran positif yang menghasilkan ekonomi berkembang maju. Pihak Kerajaan komited untuk menjayakan pelaksanaan serta penguatkuasaan AP2010, yang merangkumi semua industri dan firma-firma.


Walaupun undang-undang persaingan dilihat sebagai penjana pertumbuhan ekonomi, adalah menjadi kesilapan untuk menganggapnya sebagai satu penawar yang akan secara automatik berpihak kepada kepentingan pengguna. Undang-undang persaingan adalah satu usaha untuk menggalakkan serta melindungi proses persaingan dengan mengawal amalan entiti-entiti komersial. Manfaat sebenarnya kepada para pengguna terhasil secara tidak langsung – melalui kadar harga yang lebih rendah, produk-produk yang lebih berkualiti tinggi serta pilihan yang lebih banyak.

Walaupun Akta ini dikuatkuasakan bagi menggalakkan persaingan, saya percaya semangat bekerjasama menjadi salah satu faktor penting yang akan menghasilkan keberkesanannya. Sehubungan itu, pelbagai langkah telah diambil bagi memastikan kepentingan serta persoalan di kalangan pihak-pihak berkepentingan diambil kira semasa pembentukan semua garis panduan yang telah diterbitkan oleh MyCC sehingga kini.

Selaras dengan pendirian ini, advokasi adalah kunci kepada penguatkuasaan Akta tersebut dan MyCC berusaha sedaya upaya untuk membimbing pihak-pihak berkepentingan melalui program-program advokasi yang telah dianjurkan bukan sahaja untuk menyebarkan maklumat tentang Akta, tetapi juga

untuk tiga garis panduan tersebut. Atas sebab ini, amatlah penting bagi semua pengusaha-pengusaha Malaysia memahami manfaat dan cabaran-cabaran dalam mematuhi undang-undang ini serta mengguna pakai amalan-amalan terbaik serta piawaian antarabangsa supaya mereka bersiap sedia untuk bersaing di arena global.

Detik-detik penting yang telah dicapai oleh MyCC dalam tempoh singkat beberapa bulan semenjak ianya ditubuhkan pada 2011 mencerminkan komitmen organisasi ini di dalam melaksanakan perkhidmatan awam. Walaupun ada cabaran-cabaran yang menanti setelah AP2010 dikuatkuasakan pada Januari 2012, saya berkeyakinan bahawa melalui usaha serta dedikasi berterusan MyCC, tahun yang akan datang pasti membuahkan kejayaan.



**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi & Kepenggunaan

# Perutusan Pengerusi



**TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**  
Pengerusi

---

## 2011 Sepintas Lalu

Sepanjang tempoh enam bulan semenjak Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 2011, MyCC telah menghasilkan tiga draf garis panduan iaitu Definisi Pasaran, Perjanjian Antipersaingan serta Prosedur Aduan. Pihak MyCC yakin bahawa jalinan perhubungan dengan pihak-pihak yang berkepentingan menjadi kunci kepada usaha mewujudkan Akta Persaingan yang relevan, telus dan bermatlamat. Sehubungan itu, enam sesi rundingan awam telah diadakan oleh MyCC dengan lebih 500 peserta daripada pelbagai sektor untuk mendapatkan maklumbalas berharga daripada mereka.

Selaras dengan pendirian MyCC bahawa kesedaran serta kefahaman umum tentang undang-undang adalah asas utama bagi pelaksanaan Akta Persaingan 2010 (AP2010) yang berkesan, beberapa aktiviti advokasi telah dianjurkan di seluruh negara. Pihak MyCC telah berjaya menganjurkan 34 aktiviti seumpama ini.

Bahan-bahan rujukan seperti risalah berkenaan AP2010 dan peranan MyCC telah diterbitkan bagi mempertingkatkan kesedaran serta memperkukuhkan lagi pengetahuan orang ramai. Pada masa yang sama laman sesawang MyCC telah dibangun serta dilancarkan sebagai sokongan tambahan kepada penyebaran maklumat yang dijalankan, di samping menjadi pusat tumpuan rujukan orang ramai tentang AP2010 dan juga MyCC.



## Melihat ke Hadapan

AP2010 dijangka berkuatkuasa bermula 1 Januari 2012, menandakan berakhirnya tempoh kelonggaran 18 bulan bagi perniagaan-perniagaan mematuhi Akta ini. Sebagai persiapan untuk masa hadapan, pihak MyCC kini sedang mengatur perancangan strategi di samping mengenalpasti sektor-sektor utama yang akan diberi penumpuan. Kunci kepada rancangan ini adalah usaha-usaha advokasi yang menjadi asas kepada pendirian MyCC bahawa pemahaman serta sokongan terhadap undang-undang adalah faktor-faktor penting bagi mencapai pematuhan.

Draf tiga garis panduan yang telah disediakan dijangka akan disempurnakan menjelang suku tahun pertama 2012 setelah mengambil kira pembentangan-pembentangan serta maklum balas yang diterima sepanjang sesi-sesi rundingan awam. Pihak MyCC juga akan meneruskan program advokasi melalui persidangan dan seminar serta penyebaran maklumat pengetahuan melalui pelbagai platform media.

Pihak MyCC juga komited untuk menyediakan peluang-peluang yang bersesuaian bagi pembangunan serta kemajuan tenaga kerjanya. Seajar dengan perkembangan Suruhanjaya ini bagi tahun yang akan datang, pihak kami mengalu-alukan penyertaan lebih ramai lagi kakitangan yang bermotivasi tinggi serta berkebolehan.

## Penghargaan

Kejayaan sesebuah organisasi terletak pada tenaga kerjanya dan saya amat bertuah kerana mempunyai kakitangan yang berdedikasi serta berkeupayaan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua mereka yang telah mempamerkan dedikasi serta usaha gigih yang tidak pernah luntur sepanjang tempoh yang mencabar ini. Saya juga berterima kasih kepada pihak pengurusan dan juga anggota Suruhanjaya yang telah memastikan sasaran-sasaran organisasi ditepati. Penghargaan khas disampaikan kepada mantan anggota-anggota Suruhanjaya, YBhg. Datuk Mohd. Zain bin Mohd. Dom dan YBhg. Dato' Noriyah binti Ahmad, di atas sumbangan berharga mereka sebelum bersara daripada perkhidmatan awam.

Kami juga sangat menghargai sokongan serta pertolongan pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Di sini juga saya ingin menyampaikan penghargaan saya kepada semua pihak-pihak yang berkepentingan serta orang ramai yang telah memberi maklum balas dan sokongan masing-masing.

Walaupun masih banyak cabaran yang menanti saya percaya bahawa kerjasama dan komitmen semua pihak akan membolehkan MyCC untuk terus mengekang amalan-amalan perniagaan yang berbentuk antipersaingan, di mana ini akan membantu negara untuk berkembang lebih maju dengan ekonomi yang berasaskan prinsip-prinsip perniagaan yang kukuh.



**TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB**

Pengerusi MyCC



## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

**SHILA DORAI RAJ**

Ketua Pegawai Eksekutif

---

Permulaan sesuatu usaha baru akan sentiasa disertai dengan cabaran.

Pewartaan Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 mungkin merupakan kemuncak kepada usaha yang telah mengambil masa beberapa tahun dalam penghasilan draf dasar, di samping pelbagai sesi rundingan. Walaubagaimanapun, sebagai sebuah badan yang baru diwujudkan bagi menguatkuasakan satu bidang undang-undang yang masih belum diketahui ramai di negara ini, perjalanan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pula baru sahaja bermula.

Penubuhan MyCC juga tidak terkecuali daripada kata perumpamaan 'Rom tidak terbina dalam masa sehari'. Sebaik sahaja MyCC mula beroperasi dengan rasmi pada Jun 2011, kami telah mula bertugas tanpa henti membuat persiapan sebelum tamatnya tempoh kelonggaran 18 bulan yang diberi kepada perniagaan-perniagaan sebelum Akta perlu dipatuhi.

Secara umumnya, Akta Persaingan 2010 melarang dua bentuk amalan antipersaingan, iaitu perjanjian antipersaingan di antara mana-mana perniagaan yang melibatkan penetapan harga, pembahagian pasaran, menghadkan atau mengawal kemasukan ke dalam pasaran serta tipuan bida dan juga penyalahgunaan kedudukan dominan pasaran.

Pihak MyCC diberi kuasa bagi menjalankan kajian ke atas mana-mana pasaran untuk menentukan jika wujud sebarang penyelewengan di dalam proses persaingan di dalam pasaran tersebut. MyCC akan menyiarkan penemuan-penemuan hasil kajian yang dijalankan ini serta mengesyorkan sebarang tindakan susulan yang berkaitan.

Pihak MyCC turut menerima aduan serta menjalankan siasatan ke atas sebarang kemungkinan pelanggaran undang-undang. Suruhanjaya ini juga mempunyai kuasa bagi menentukan tindakan susulan hasil penyiasatan serta mengenakan penalti bagi mana-mana kesalahan.

Dengan penguatkuasaan undang-undang baru ini, Malaysia akan mengalami suatu era baru di dalam dasar ekonomi. Sehubungan itu, MyCC telah merangka beberapa strategi bagi 2012 untuk memastikan pelaksanaan Akta Persaingan 2010 yang teratur dan berkesan.

## Advokasi

Fokus utama MyCC bagi 2012 terus ditumpukan kepada usaha-usaha advokasi serta membina keupayaan. Usaha advokasi adalah sebahagian penting daripada rancangan kerja sesebuah suruhanjaya persaingan, dari sebuah agensi yang sudah wujud selama beberapa dekad dan lebih-lebih lagi bagi sebuah agensi yang baru ditubuhkan. Sejumlah program advokasi yang menyeluruh dan berdedikasi telah dirangka oleh MyCC untuk disasarkan kepada sektor-sektor utama dan pihak-pihak berkepentingan.

Antara program yang dijadualkan bagi 2012 termasuklah Bengkel Pematuhan bagi perniagaan persendirian, Bengkel Tipuan Bida bagi agensi-agensi Kerajaan dan Mesyuarat Pegawai Atasan Asia Timur ke-8 (EATOP) serta Persidangan Asia Timur ke-7 (EAC).

Pelbagai taklimat untuk persatuan-persatuan industri juga sedang dirancang bagi memastikan penyebaran maklumat yang maksimum dapat dicapai. Pelan tambahan turut dirancang oleh MyCC bagi memperkenalkan dasar dan undang-undang persaingan sebagai program ijazah di sebuah universiti tempatan. Perancangan juga dibuat bagi memperkenalkan bidang yang sama melalui program-program latihan singkat secara kerjasama dengan institut-institut latihan Kerajaan seperti Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

## Penguatkuasaan

Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan yang kami akui mempunyai kekangan dari segi tenaga kerja, MyCC mengatur langkah untuk menggunakan sumber-sumber yang ada dengan cara yang paling berkesan bagi memastikan manfaat yang maksimum. Pihak MyCC juga menyedari bahawa usaha untuk menguatkuasakan Akta akan memerlukan perubahan-perubahan besar kepada cara perniagaan dijalankan dan perancangan dibuat untuk menyusun aktiviti-aktiviti yang akan dapat membantu pelaksanaan Akta dengan cekap dan berkesan. Seiring dengan usaha advokasi yang merupakan pendekatan "lembut" bagi penguatkuasaan, MyCC juga akan menumpukan usaha bagi mendatangkan hasil segera yang akan menyampaikan mesej yang jelas. Ini akan melibatkan penguatkuasaan Seksyen 4(2) Akta Persaingan 2010 yang mensasarkan amalan-amalan antipersaingan seperti penetapan harga, pembahagian pasaran, menghadkan atau mengawal kemasukan ke dalam pasaran dan juga tipuan bida.

## Garis Panduan

Baru-baru ini MyCC telah menyempurnakan satu siri perundingan awam berkenaan draf Garis Panduan Definisi Pasaran, Garis Panduan Perjanjian Antipersaingan dan Garis Panduan Prosedur Aduan yang disasarkan penerbitannya bagi suku tahun pertama 2012. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk membantu perniagaan-perniagaan, MyCC akan menerbitkan lebih banyak garis panduan bagi 2012 yang akan memperjelaskan serta menerangkan konsep-konsep serta istilah-istilah di dalam Akta Persaingan 2010. Garis-garis panduan tersebut akan dimuat naik ke laman sesawang MyCC untuk mengundang komen serta pandangan daripada orang ramai dan juga pihak-pihak industri.

## Pembangunan Keupayaan Institusi

Pihak MyCC akan terus memantapkan kekuatan serta keupayaan organisasi bagi membolehkan undang-undang dilaksanakan dengan berkesan. Penekanan khusus diberi kepada perkembangan institusi ini dan pengambilan para pegawai yang mempunyai kelayakan yang relevan dan berintegriti. Para kakitangan Suruhanjaya yang bersesuaian akan dihantar mengikuti kursus-kursus dan tugas kerja dengan lain-lain pihak berkuasa persaingan di luar negara yang telah lebih lama beroperasi. Anggota Suruhanjaya juga akan dilatih dan lawatan sambil belajar sedang dirancang bagi membolehkan perkongsian pengetahuan, pertukaran maklumat melalui jalinan rangkaian rakan-rakan sejawatan selain daripada memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) yang akan membantu pembinaan keupayaan berterusan di kalangan anggota Suruhanjaya dan kakitangan MyCC.


## Jawatankuasa Khas

Bagi mengukuhkan lagi ekosistem persaingan, sebuah Jawatankuasa Khas akan ditubuhkan untuk mewujudkan hubungan kerja di antara Suruhanjaya dan badan-badan kawalan sektor-sektor yang lain. Jawatankuasa Khas ini berperanan memperbincangkan isu-isu berkaitan dengan persaingan yang mungkin bukan sahaja termasuk di bawah bidang kuasa MyCC, tetapi juga merupakan tanggungjawab badan-badan kawalan sektor lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan sebagainya. Terma Rujukan bagi jawatankuasa ini sedang disediakan dengan mesyuarat pertamanya dijadualkan berlangsung pada suku tahun pertama 2012.

## Melihat ke Hadapan

Pelan kerja MyCC sedang dikembangkan dan sama ada harapan orang ramai untuk melihat kami membuat perubahan segera akan dapat dipenuhi bergantung besar kepada tanggungjawab komuniti perniagaan untuk mematuhi Akta. Kerjasama semua pihak adalah penting di dalam usaha melaksanakan Akta, termasuklah peranan media untuk membuat liputan serta menyebarkan maklumat tentang isu berkaitan persaingan dan juga aduan orang ramai berkenaan sebarang tindakan yang bersifat antipersaingan. Kita harus sama-sama berusaha memastikan bahawa akan wujudnya suatu persekitaran yang mengutamakan persaingan sehat yang akan memanfaatkan negara dan rakyat.


Perjalanan seribu batu bermula dengan langkah yang pertama. Dengan berkuatkuasanya Akta Persaingan 2010 ini, sememangnya kita telah mengorak langkah ke arah negara yang lebih progresif.



**SHILA DORAI RAJ**

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC

**PERNIAGAAN** berkembang  
maju melalui **PERSAINGAN**



# BERKENAAN SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) adalah sebuah badan bebas yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 bagi menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Peranan utama Suruhanjaya ini adalah melindungi keutuhan proses persaingan bagi faedah perniagaan, pelanggan dan ekonomi secara amnya.

## FUNGSI UTAMA SURUHANJAYA

Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 memberi kuasa kepada MyCC untuk menjalankan fungsi-fungsi khusus seperti melaksana serta menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di dalam Akta Persaingan 2010, mengeluarkan garis panduan berkaitan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan, menjadi pendukung hal ehwal persaingan, menjalankan kajian-kajian umum ke atas isu-isu berkaitan persaingan di dalam ekonomi Malaysia atau sektor-sektor tertentu ekonomi Malaysia, memaklumkan kepada orang ramai dan mendidik mereka tentang bagaimana faktor persaingan mampu memberi manfaat kepada para pengguna dan juga ekonomi Malaysia.

## VISI & MISI

### *VISI*

Kami adalah pihak yang berkuasa untuk menerap dan menerajui budaya persaingan yang sihat.

Kami adalah pihak berkuasa dan juga rakan kongsi yang berwibawa, boleh dipercayai serta berkecekapan dan diiktiraf dari segi kekuatan organisasi serta keupayaan bagi memperbaharui persekitaran perniagaan dari segi persaingan.

### *MISI*

Mewujudkan budaya persaingan sihat yang selaras dengan amalan terbaik tahap antarabangsa. Kami akan menerap serta menerajui budaya ini dengan memandu arah pihak-pihak berkepentingan dan melaksanakan undang-undang persaingan dengan berkesan tanpa keraguan atau pilih kasih.

# Anggota Suruhanjaya

1



1. **Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob**  
Pengerusi  
Mantan Hakim Besar Malaya; pernah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Persekutuan
2. **Tan Sri Abdul Gani Patail**  
Peguam Negara Malaysia

3. **Dato' Noriyah Binti Ahmad**  
Ketua Pengarah  
Unit Perancangan Ekonomi
4. **Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
5. **Datuk Mohd Zain Bin Mohd Dom**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan
6. **Prof. Dato' Dr. Sothi Rachagan**  
Naib Presiden (Hal Ehwal Akademik)  
Universiti Nilai

2



3

4



5



6



7. **Ragunath Kesavan**  
Peguam  
Bekas Presiden Majlis Peguam Malaysia
8. **Tan Sri Dato' Dr Michael O K Yeoh**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Institut Strategi dan Kepimpinan Asia  
(ASLI)
9. **Abd Malek bin Ahmad**  
Pengarah Eksekutif  
sebuah firma IT dan animasi 3-D
10. **Prof. Datin Dr Hasnah Haron**  
Dekan  
Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan  
Universiti Sains Malaysia

7



8



9




10



# Struktur Organisasi



## SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA



A large field of white soccer balls, arranged in a grid pattern, receding into the distance. One ball in the middle-right area is a vibrant red, standing out from the rest. The scene is lit from the top, creating soft shadows and highlights on the balls.

**PEMATUHAN** sebagai  
**BUDAYA PERNIAGAAN**



## Detik-detik Penting

**Okt 2005** ▶

Draf muktamad bagi dasar yang pada masa itu dikenali sebagai Dasar Amalan Perniagaan Adil (*Fair Trade Practices Policy - FTTP*) diluluskan oleh Kabinet pada 26 Oktober 2005.

- Pihak Kementerian menubuhkan kumpulan perunding dinamakan CG25 yang terdiri daripada wakil agensi-agensi utama Kerajaan, beberapa dewan perniagaan serta persatuan dan anggota masyarakat bagi mempertimbangkan aspek-aspek draf rang undang-undang dengan berdasarkan FTTP. Berasaskan maklumbalas yang diterima selepas beberapa sesi rundingan dijalankan dengan kumpulan CG25 ini, sejumlah aspek draf rang undang-undang yang mahu dibentangkan telah disemak semula.

Perbincangan selanjutnya telah diadakan dengan pihak-pihak berkepentingan sebelum perubahan muktamad dilakukan ke atas dasar, di mana tumpuan diberi hanya kepada aspek-aspek persaingan.

◀ **Sep - Okt 2009**

**Apr 2010** ▶

Dasar dan rang undang-undang baru dikemukakan kepada Kabinet dan telah diluluskan pada 2 April 2010. Pembentangan di Dewan Rakyat berlangsung pada 12 April 2010 dan telah menerima perkenan Yang Dipertuan Agong pada 2 Jun 2010 serta diterbitkan di dalam warta Kerajaan pada 10 Jun 2010.

Sehubungan itu, satu tempoh kelonggaran 18 bulan telah diumumkan bagi memberi masa kepada syarikat-syarikat perniagaan memenuhi keperluan-keperluan undang-undang baru tersebut, di samping memperuntukkan masa yang mencukupi bagi pihak Kementerian menubuhkan Suruhanjaya.

**Sep 2010** ▶ Sebuah unit persaingan sementara telah diwujudkan di Kementerian pada September 2010 bagi memulakan perancangan untuk penubuhan Suruhanjaya. Sebuah jawatankuasa persaingan bagi pelaksanaan turut diwujudkan bagi membantu penyelenggaraan program-program awal unit persaingan sementara tersebut yang meliputi usaha penubuhan Suruhanjaya dan penganjuran program-program advokasi.

Sebuah Makmal Persaingan, yang disertai ahli-ahli separuh dan sepenuh masa dari sektor awam dan swasta, telah dibentuk bagi menilai isu-isu yang mungkin dapat membantu pelaksanaan undang-undang dengan pantas dan muktamad.

◀ **Feb - Apr 2011**

**Apr 2011** ▶ Pengerusi Suruhanjaya dilantik pada 1 April 2011.



Sembilan lagi anggota Suruhanjaya dilantik pada 1 Mei 2011.

◀ **Mei 2011**

**Jun 2011** ▶ Ketua Pegawai Eksekutif dan lain-lain Pegawai Suruhanjaya dilantik.

Suruhanjaya Persaingan menghasilkan tiga draf garis panduan dan menganjurkan enam sesi rundingan awam di mana pandangan pihak-pihak berkepentingan yang relevan dari pelbagai sektor telah dipertimbangkan.

◀ **Dis 2011**

**Jan 2012** ▶ Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 akan dikuatkuasakan.

# Akta Persaingan 2010

## Skop Akta Persaingan 2010

Akta Persaingan 2010 (AP2010) berkuatkuasa terhadap semua aktiviti-aktiviti komersial di dalam dan di luar Malaysia yang mempunyai kesan-kesan negatif ke atas pasaran-pasaran di Malaysia, kecuali aktiviti-aktiviti yang tidak termaktub di bawah skop bidang kuasa akta ini.

## Aktiviti-aktiviti yang tidak termaktub di bawah Akta Persaingan 2010

- Aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelaksanaan kuasa Kerajaan.
- Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan bagi tujuan memelihara prinsip-prinsip perpaduan.
- Pembelian barangan atau perkhidmatan yang bukan bagi tujuan penjualan atau pembekalan semula.

Di samping itu, AP2010 tidak meliputi aktiviti-aktiviti komersial dibawah pengawalan:

- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
- Akta Suruhanjaya Tenaga 2001

## Tindakan atau perjanjian-perjanjian lain yang terkecuali daripada skop bidang kuasa Akta Persaingan 2010

- Perjanjian atau tindakan yang mematuhi undang-undang.
- Perundingan kolektif atau perjanjian kolektif di antara majikan dan kesatuan sekerja bagi pihak pekerja-pekerja.
- Perkhidmatan-perkhidmatan bagi kepentingan ekonomi umum yang meliputi utiliti awam atau pun yang bersifat seperti sebuah entiti monopoli yang menghasilkan pendapatan.

AP2010 meliputi serta berkuatkuasa terhadap semua jenis 'barangan' yang merangkumi semua bentuk produk, bangunan serta struktur-struktur lain, pengangkutan air dan lain-lain kenderaan, utiliti khusus seperti penyediaan air bersih serta kumbahan, bahan-bahan galian, pokok dan tanaman ladang selain semua jenis haiwan termasuk ikan.

## Membuat Aduan

Tindakan penguatkuasaan undang-undang oleh MyCC banyak bergantung kepada aduan yang diterima daripada orang ramai. Sesiapa sahaja yang mempunyai alasan bagi mengesyaki sebarang syarikat, pesaing, pembekal, pelanggan, individu atau lain-lain perniagaan atau peniaga sebagai terlibat di dalam sesuatu perjanjian yang bersifat antipersaingan atau pun telah menyalahgunakan kedudukannya yang berpengaruh, boleh membuat aduan kepada MyCC.

Pengaduan secara rasmi boleh dibuat kepada MyCC dengan mengisi serta menghantar borang aduan yang disediakan. Semua maklumat yang diberi adalah dirahsiakan. Borang aduan boleh dimuat turun melalui laman sesawang MyCC, [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my), dan dihantar melalui emel kepada [complaints@mycc.gov.my](mailto:complaints@mycc.gov.my).

## Penalti

Penalti maksimum yang boleh dikenakan oleh MyCC di bawah undang-undang yang diperuntukkan adalah jumlah yang bersamaan dengan 10% jumlah perolehan sedunia sesebuah syarikat yang bersabit kesalahan sepanjang tempoh kesalahan tersebut dilakukan.

# Suruhanjaya **Persaingan**

## **Suruhanjaya Persaingan Malaysia**

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan bagi memastikan pematuhan terhadap AP2010, menjalankan penyiasatan ke atas aduan-aduan mengenai tindakan-tindakan yang berkemungkinan bersifat antipersaingan, menjalankan penilaian pasaran, selain mengenakan penalti ke atas kes pelanggaran undang-undang persaingan.

Suruhanjaya ini terdiri daripada seorang Pengerusi, empat ahli yang mewakili Kerajaan dan lima ahli yang mewakili sektor swasta. Kesemua anggota ini, termasuk Pengerusi, dilantik oleh Perdana Menteri berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Seseorang anggota MyCC dilantik untuk tempoh satu penggal (tiga tahun) dan boleh dilantik semula selagi pelantikan tidak melebihi dua penggal yang berturut-turut.

## **Fungsi MyCC**

- Menjadi penasihat kepada Menteri atau pihak berkuasa awam atau lain-lain pihak berkuasa berkaitan semua perkara berkenaan persaingan.
- Membawa kepada perhatian Menteri tentang kesan-kesan antipersaingan yang timbul atau berkemungkinan timbul ekoran penguatkuasaan perundangan semasa atau yang dicadangkan dan membentangkan cadangan kepada Menteri, sekiranya wajar, bagi mengelakkan kesan-kesan tersebut.
- Melaksanakan serta menguatkuasa peruntukan-peruntukan di bawah Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010.
- Mengeluarkan garis panduan berhubung kait dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan kedua-dua undang-undang tersebut.
- Mengetengahkan hal-hal berkaitan persaingan.
- Menjalankan kajian-kajian umum ke atas isu-isu berkaitan persaingan di dalam ekonomi Malaysia atau sektor-sektor tertentu.
- Mengumpul maklumat berkenaan prestasi fungsi-fungsi Suruhanjaya.
- Menerbitkan maklumat dan mempertingkatkan kesedaran di kalangan entiti-entiti komersial atau perniagaan dan juga di kalangan orang ramai tentang kedua-dua undang-undang tersebut dan kaedah pelaksanaan fungsi-fungsi Suruhanjaya di bawah kedua-dua undang-undang tersebut.



- Memaklum dan mendidik orang ramai tentang bagaimana faktor persaingan mampu memberi manfaat kepada para pengguna dan juga ekonomi Malaysia.
- Mempertimbang serta mencadangkan pembaharuan kepada kedua-dua undang-undang tersebut.


## Bidang Kuasa MyCC

Pihak MyCC mempunyai bidang kuasa untuk:

- Mengenaikan penalti kewangan ke atas sebarang kesalahan di bawah AP2010.
- Mengenaikan yuran atau bayaran bagi sebarang perkhidmatan yang disediakan oleh Suruhanjaya.
- Memberi pinjaman, biasiswa dan wang pendahuluan kepada kakitangannya.
- Bekerjasama dengan sebarang badan korporat atau agensi Kerajaan bagi tujuan menjayakan fungsi-fungsi Suruhanjaya.
- Mengarahkan syarikat-syarikat menyediakan maklumat bagi membantu Suruhanjaya melaksanakan tugas.
- Melaksanakan sebarang keperluan berbangkit ke atas mana-mana peranan atau skop bidang kuasanya.

Apabila kewujud

**MEMBAWA**

**IN**  **VA**

menjana **PERT**

an pilihan

kepada

**SI** yang

**TUMBUHAN**

Persaingan amat penting untuk mewujudkan inovasi. Syarikat-syarikat yang berinovatif memenangi hati pelanggan dan mampu berkembang maju dalam aspek kewangan. Para pelanggan juga mendapat manfaat dengan adanya beraneka produk berinovatif yang mewujudkan lebih banyak pilihan bagi semua orang.

# Ulasan Tahunan

## Suruhanjaya Persaingan Malaysia

Akta Persaingan dan Akta Suruhanjaya Persaingan telah diwartakan pada 10 Jun 2010. Akta-akta ini diwujudkan bagi meningkatkan pembangunan ekonomi negara dengan menggalakkan serta melindungi proses persaingan di pasaran bagi melindungi kepentingan pengguna. Suruhanjaya Persaingan telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 pada 1 April 2011 bagi tujuan menguatkuasakan Akta Persaingan 2010.

Individu-individu yang dilantik sebagai anggota MyCC telah diumumkan nama-nama mereka oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, juga pada 1 Mei 2011. Pengerusi Suruhanjaya adalah disertai oleh empat wakil Kerajaan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Peguam Negara dan lima wakil dari sektor swasta. Anggota MyCC adalah pakar-pakar di dalam pelbagai bidang seperti undang-undang, ekonomi, perniagaan, industri, perdagangan, pentadbiran awam, persaingan dan perlindungan pengguna. Usaha menyeluruh telah diambil bagi memastikan pelbagai sektor adalah diwakili bagi membolehkan MyCC mencapai aspirasinya.

Pejabat MyCC mula beroperasi pada 1 Jun 2011. Semenjak itu MyCC telah mewujudkan enam jawatankuasa kerja bagi membantu pelaksanaan fungsi-fungsi utamanya. Setiap jawatankuasa kerja diketuai oleh seorang anggota MyCC dan disertai oleh wakil-wakil sektor awam dan swasta yang relevan. Jawatankuasa-jawatankuasa kerja tersebut adalah:

- (i) Jawatankuasa Kewangan dan Perolehan;
- (ii) Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia;
- (iii) Jawatankuasa Advokasi;
- (iv) Jawatankuasa Publisiti dan Komunikasi;
- (v) Jawatankuasa Garis Panduan Dalaman; dan
- (vi) Jawatankuasa Garis Panduan Luaran.

Sepanjang tahun 2011, MyCC juga telah mengadakan lapan mesyuarat anggota Suruhanjaya.



*Pelantikan Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob*

## AKTIVITI

### Program Advokasi

Bagi memastikan yang objektif serta impak Akta Persaingan 2010 difahami serta diguna pakai oleh pihak-pihak berkepentingan, MyCC telah menganjurkan program-program advokasi dengan aktif. Program-program ini penting bagi usaha memastikan Akta Persaingan 2010 diguna pakai dengan menyeluruh, di samping mengesahkan secara tidak langsung bahawa pihak-pihak yang relevan menjalankan penilaian ke atas aktiviti-aktiviti perniagaan masing-masing. Selain itu pihak MyCC berpendirian bahawa program-program advokasi membantu mewujudkan pemahaman asas terhadap undang-undang baru yang diperkenalkan serta implikasinya, di samping menyampaikan mesej yang undang-undang persaingan bukan sekadar menjadi pengekang tetapi menawarkan peluang-peluang perniagaan yang amat luas. Pada 2011 sahaja, sebanyak 34 program advokasi telah dianjurkan di seluruh Malaysia, termasuk di Sabah dan Sarawak, melebihi jumlah asal 26 program yang dirancang pada awalnya.

Sementara itu, suatu pelan strategik bertajuk “Pelan Strategi MyCC bagi Advokasi Persaingan 2012-2014” sedang dibangunkan dan sejumlah sektor keutamaan telah dikenalpasti bagi diberikan penumpuan oleh MyCC di dalam pelan ini. Program-program advokasi MyCC akan difokuskan kepada sektor-sektor keutamaan tersebut yang turut akan dinilai amalan-amalan perniagaannya di tahun-tahun yang akan datang.

### Penyediaan Garis Panduan

Pengenalan garis panduan yang akan dikeluarkan oleh MyCC dari masa ke semasa akan menjelaskan dengan lebih menyeluruh prosedur-prosedur pelaksanaan, konsep-konsep dan lain-lain perkara pokok yang akan diambil kira semasa penyiasatan ke atas sebarang kesalahan di bawah Akta Persaingan 2010.

Di penghujung Disember 2011, MyCC telah menghasilkan tiga draf garis panduan dan menganjurkan enam sesi rundingan awam di mana lebih 500 peserta dari pelbagai sektor telah ditemui. Ketiga-tiga garis panduan tersebut dijangka akan disiapkan di dalam suku tahun pertama 2012 selepas mengambil kira pandangan pihak-pihak berkepentingan yang relevan. Garis panduan yang dimaksudkan adalah:

- (i) Garis Panduan Prosedur Aduan;
- (ii) Garis Panduan Definisi Pasaran; dan
- (iii) Garis Panduan Perjanjian Antipersaingan.



*Lawatan Kerja MyCC ke Competition Commission of Singapore (CCS)*

## **Program Pembangunan Keupayaan**

Semenjak ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC telah menghantar pegawai-pegawainya menjalani beberapa program pembangunan keupayaan. Pada 2011 sahaja, MyCC telah terlibat dengan 14 program seumpamanya. Anggota MyCC telah menjalani suatu program latihan oleh Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCTAD) semasa lawatan kerja ke *Competition Commission of Singapore* (CCS) di samping latihan untuk dua orang anggota Suruhanjaya yang dijalankan pada Julai dan November 2011. Program pembangunan keupayaan yang kerap diadakan adalah penting bagi membina serta melahirkan kepakaran di dalam organisasi ini, lebih-lebih lagi kerana MyCC adalah sebuah badan separa kehakiman yang bertindak sebagai fasilitator dasar dan undang-undang persaingan di dalam negara.

## LAIN-LAIN AKTIVITI

### Penglibatan MyCC di Dalam Perundingan Perdagangan Bebas

MyCC telah terlibat aktif dalam beberapa sesi perundingan bagi pihak Malaysia. Khidmat nasihat teknikal berkenaan dasar dan undang-undang persaingan telah disediakan oleh MyCC bagi Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP), Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia dengan Kesatuan Eropah (EU) dan FTA Malaysia dengan Australia.



*Pengerusi MyCC, Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob, merasmikan kursus latihan Dasar Persaingan APEC*

### Persidangan dan Kursus Latihan Antarabangsa

Melalui kerjasama dengan *Japan Fair Trade Commission* (JFTC), MyCC telah menjayakan penganjuran perbincangan peringkat Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) bagi Malaysia, selain kursus latihan APEC yang bertajuk “Dasar Persaingan - Mekanisma Berkesan Menangani Kesalahan-kesalahan Kartel” di Hydro Hotel, Pulau Pinang dari 10 hingga 12 Oktober 2011. Program ini telah dihadiri oleh 21 anggota ekonomi APEC. Penceramah jemputan pula terdiri daripada tujuh pakar persaingan dari negara lain. Memandangkan tumpuan program tersebut adalah berkenaan aktiviti-aktiviti kartel, beberapa pegawai Kerajaan yang terlibat dengan proses pembentukan dasar turut dijemput hadir. Pihak media juga turut dijemput kerana ini merupakan permulaan usaha advokasi bagi membina kefahaman mereka tentang undang-undang persaingan.



*Peserta-peserta kursus latihan Dasar Persaingan APEC*

Program tersebut amat bermanfaat sebagai satu sesi pertukaran maklumat berkenaan teknik-teknik terkini di dalam usaha menangani aktiviti kartel dan kesannya ke atas proses persaingan dan ekonomi negara. Perkongsian pengetahuan serta pengalaman yang telah berlangsung menepati masa memandangkan Malaysia bercadang menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 pada Januari 2012.



*Kursus latihan APEC berkenaan Dasar Persaingan sedang dijalankan*

## Pembangunan Institusi

Tahun 2011 turut menyaksikan institusi MyCC dibangunkan dari segi pengambilan para pegawai serta kakitangan yang relevan selain penghasilan dokumen-dokumen penting bagi memastikan pentadbiran berhemah dan telus. Draf Prosedur Kewangan serta Syarat-syarat Perkhidmatan bagi kakitangan MyCC telah mula dihasilkan, sementara beberapa Prosedur Operasi Standard telah diperbincang dan disediakan drafnya. Rancangan juga telah dimulakan bagi mengenalpasti premis pejabat yang sesuai untuk MyCC.

Bagi menyerlahkan lagi identiti MyCC, logo rasmi serta laman sesawang korporatnya telah dilancarkan pada 23 September 2011. Laman sesawang di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my) berfungsi sebagai penghubung MyCC dengan orang ramai dan berperanan penting sebagai platform penyebaran dan perkongsian maklumat tentang aktiviti-aktiviti MyCC, terutamanya yang berkaitan dengan aspek undang-undang, penguatkuasaan dan perkara-perkara berbangkit yang lain.

Selain itu, pihak MyCC telah menerbitkan risalah-risalah mengenai Akta Persaingan 2010 dan maklumat tentang Suruhanjaya Persaingan Malaysia untuk makluman awam. Rancangan juga sedang dirangka bagi menerbitkan lebih banyak bahan-bahan maklumat seperti video korporat dan buku kecil berkenaan undang-undang persaingan untuk makluman orang ramai, sektor awam dan perniagaan.

MyCC juga menjadi ahli Rangkaian Persaingan Antarabangsa (ICN) pada Jun 2011, membolehkannya menjadi sebahagian daripada satu-satunya badan antarabangsa yang khusus ditubuhkan bagi menguatkuasakan undang-undang persaingan. Ahli-ahli ICN adalah terdiri daripada pihak-pihak berkuasa persaingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



*Pelancaran logo dan laman sesawang korporat MyCC oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*



*Logo MyCC*





Laman Sesawang MyCC

## Kunjungan Hormat

Walaupun masih baru ditubuhkan, MyCC telah berkesempatan menerima kunjungan hormat para tetamu kenamaan dari dalam dan luar negara. Pengerusi MyCC telah menerima kunjungan daripada Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Lembaga Jurutera Malaysia, Persatuan Kuari Malaysia dan Majlis Peguam Malaysia. Sementara itu, Pengerusi pertama *Australia Consumer and Competition Commission (ACCC)*, Alan Fels, telah mengunjungi MyCC pada Ogos 2011 dan berkongsi pengalaman beliau tentang bagaimana Australia telah membangunkan budaya persaingan serta usaha-usaha pelaksanaan di dalam ACCC yang telah membentuk organisasi tersebut sehingga ke hari ini.

Sebagai usaha menjalin hubungan baik dengan pihak media, Pengerusi juga telah menganjurkan majlis “Jamuan Tengahari Bersama Pengarang” pada 29 Ogos 2011, di Kuala Lumpur. Majlis ini telah membuka peluang bagi para pengarang beramah mesra dengan anggota-anggota dan juga eksekutif-eksekutif Suruhanjaya. Satu taklimat ringkas tentang Akta Persaingan 2010 telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif sebagai permulaan pengenalan kepada beberapa isu-isu yang perlu dimaklumkan kepada pihak media.

# MyCC dalam Berita

## MyCC to look into MAS, AirAsia deal

**REGULATORY FRAMEWORK:** Commission to look into development of deal closely to see if any competitive activities or agreements arise

**KUALA LUMPUR:** Malaysia Competition Commission (MyCC) will officially look into the deal between Malaysia Airlines (MAS) and AirAsia when the Competition Act 2010...

...investments to help them to be a high flyer in 2013," she said. Earlier, in an interview, she said the economic development of MAS-Air...

## Malaysia Competition Commission is Ready to Enforce the Act

Competition reforms will benefit consumers, companies and the economy



The Commission will look into the deal between MAS and AirAsia when the Competition Act 2010...

...investments to help them to be a high flyer in 2013," she said. Earlier, in an interview, she said the economic development of MAS-Air...

## MyCC gains mileage before race

THE saying having to learn how to crawl before you can walk does not seem to apply to the rule the Malaysian Competition Commission (MyCC) is having to take on even before the Competition Act 2010 comes into force on New Year's Day. The commission, established under the Competition Commission Act 2008, is barely three months old, but already seems to have a full order...



MyCC gains mileage before race

...investments to help them to be a high flyer in 2013," she said. Earlier, in an interview, she said the economic development of MAS-Air...

For example, if an artificial sweetener falls within the ambit of certain exempted sectors such as those dealing in matters of national interest, sectors of general economic interest and collective agreements, they may not be subject to a justly entering into an anti-competition agreement...

## Give Commission full power, says ACCIS



...investments to help them to be a high flyer in 2013," she said. Earlier, in an interview, she said the economic development of MAS-Air...

...investments to help them to be a high flyer in 2013," she said. Earlier, in an interview, she said the economic development of MAS-Air...

## MyCC launches logo and website

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Competition Commission (MyCC), an independent body which monitors and acts on cases of abuse by...

## Ensuring healthy, fair competition

**LAW TAKES EFFECT:** Competition Act 2010 promotes a level playing field in the marketplace

W...investments to help them to be a high flyer in 2013," she said. Earlier, in an interview, she said the economic development of MAS-Air...



MyCC gains mileage before race

...investments to help them to be a high flyer in 2013," she said. Earlier, in an interview, she said the economic development of MAS-Air...

**wish list for 2012**

Once again, we stand on the cusp of another new year. It's time for new beginnings, new plans, and resolutions to do better in 2012. And yes, it's also that time of the year when most of the Editor's readers pen their wishes for the new year. Never giving up hope that one day, maybe one day, wishes will come true.

**Wishing for more competition, not less**

The year that will be remembered for its significance is 2011. It was a year of challenges, but it was also a year of triumphs. As we look back on the year that has just passed, we are filled with a sense of accomplishment and hope for the future. We wish for a year of continued growth and success for all of us.

As we look back on the year that has just passed, we are filled with a sense of accomplishment and hope for the future. We wish for a year of continued growth and success for all of us.

8. NOVEMBER 2011, 12:00AM 1, 2011

**Execution important once Competition Act is enforced**

By the time the Competition Act is enforced, it is crucial that the government and the public are well-prepared. The government must ensure that the Act is implemented effectively, and the public must be educated on the benefits of the Act. The government must ensure that the Act is implemented effectively, and the public must be educated on the benefits of the Act.

By the time the Competition Act is enforced, it is crucial that the government and the public are well-prepared. The government must ensure that the Act is implemented effectively, and the public must be educated on the benefits of the Act.

**SHAPE UP Your Lifestyle 14 Day Challenge**

Join the challenge and win prizes. The challenge is designed to help you improve your health and lifestyle. It includes a variety of activities and challenges that you can complete over a 14-day period. The challenge is designed to help you improve your health and lifestyle.

Join the challenge and win prizes. The challenge is designed to help you improve your health and lifestyle. It includes a variety of activities and challenges that you can complete over a 14-day period.

**the star**

Time for you to make MASSIVE Gains in 2011!

**Promoting competition**

Drive off a brand new BMWX6!

The Star is committed to providing the best news and information to our readers. We are proud to be a part of the community and to support the growth and development of our country.

**Malaysia to have antitrust law, current laws to have more bite (Update)**

The government is planning to introduce an antitrust law to strengthen competition in the market. The current laws are being reviewed to ensure they are effective and enforceable. The government is planning to introduce an antitrust law to strengthen competition in the market.

The current laws are being reviewed to ensure they are effective and enforceable. The government is planning to introduce an antitrust law to strengthen competition in the market.

**Support the Lustrous Recovery Efforts in Bali**

Learn more about the recovery efforts in Bali and how you can help. The recovery efforts are ongoing, and your support is crucial. Learn more about the recovery efforts in Bali and how you can help.

The recovery efforts are ongoing, and your support is crucial. Learn more about the recovery efforts in Bali and how you can help.

**BERITA HARIAN online**

**Suruhanjaya Persaingan bela hak pengguna**

**20100412**

**MR.BERHANYA** Persaingan akan ditubuhkan di bawah Akta Persaingan, demikian kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Ismail Sabri, hari-hari.

Pembaharuan bertujuan membolehkan kerajaan bertindak dengan lebih pantas dan mengurangkan beban hak pengguna.

Kerajaan Akta Persaingan sudah lama dibincang oleh Gabungan Parlimen-Parlیمان Pengguna Malaysia (GPPM) bertujuan mengatasi masalah kawalan bekalan dan harga serta mengawal harga barang. Kerajaan Akta Persaingan sudah lama dibincang oleh Gabungan Parlimen-Parlیمان Pengguna Malaysia (GPPM) bertujuan mengatasi masalah kawalan bekalan dan harga serta mengawal harga barang.

Kerajaan Akta Persaingan sudah lama dibincang oleh Gabungan Parlimen-Parlیمان Pengguna Malaysia (GPPM) bertujuan mengatasi masalah kawalan bekalan dan harga serta mengawal harga barang.

**BERITA HARIAN online**


**Suruhanjaya Persaingan Bela Hak Pengguna**

**20100412**

**MR.BERHANYA** Persaingan akan ditubuhkan di bawah Akta Persaingan, demikian kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Ismail Sabri, hari-hari.

Pembaharuan bertujuan membolehkan kerajaan bertindak dengan lebih pantas dan mengurangkan beban hak pengguna.

Kerajaan Akta Persaingan sudah lama dibincang oleh Gabungan Parlimen-Parlیمان Pengguna Malaysia (GPPM) bertujuan mengatasi masalah kawalan bekalan dan harga serta mengawal harga barang.



**KEPENTINGAN**  
pengguna adalah

**MATLAMAT UTAMA**

kami



# PENYATA KEWANGAN

34	Sijil Ketua Audit Negara
35	Penyata Ahli Lembaga
36	Pengakuan Berkanun
37	Lembaran Imbangan
38	Penyata Pendapatan
39	Penyata Perubahan Ekuiti
40	Penyata Aliran Tunai
41	Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan 2011

# Sijil Ketua Audit Negara



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji dan bagi memastikan ketepatan angka dan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 31 Disember 2011 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

**(NIKRUL TARMIZI BIN AWALLUDIN)**  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
31 JULAI 2012





# Penyata Ahli Lembaga

## PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH SURUHANJAYA PERSAINGAN

Saya, TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB dan ENCIK ABD. MALEK BIN AHMAD yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Suruhanjaya Persaingan dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Suruhanjaya Persaingan pada 31 Disember 2011 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

Bagi pihak Lembaga,

TAN SRI DATO' SERI SITI NORMA YAAKOB  
PENERUSI  
SURUHANJAYA PERSAINGAN

TARIKH: 25 Julai 2012  
TEMPAT: KUALA LUMPUR

ABD. MALEK BIN AHMAD  
ANGGOTA  
SURUHANJAYA PERSAINGAN

TARIKH: 25 Julai 2012  
TEMPAT: SELANGOR

# Pengakuan Berkanun

## PENGAKUAN OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA PERSAINGAN

Saya, SHILA DORAI RAJ (IC No: 560713-04-5010), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan SURUHANJAYA PERSAINGAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )

diakui oleh penama di atas )

di Petaling Jaya, Selangor )

pada 1-9 JUL 2012 )



SHILA DORAI RAJ  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,  
SURUHANJAYA PERSAINGAN



  
19/7/12  
PESURUHJAYA SUMPAH  
1 9 JUL 2012



# LEMBARAN **IMBANGAN**

bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2011

	Nota	2011 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	367,679
<b>ASET SEMASA</b>		
Deposit dan Prabayar	5	24,038
Faedah Terakru		12,450
Simpanan Tetap - Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	6	3,002,795
Wang Tunai dan Baki Bank	7	4,161,117
		7,200,400
<b>LIABILITI SEMASA</b>		
Pelbagai Pemiutang dan Akruan		83,738
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>		
		7,116,662
<b>DIBIYAI OLEH :</b>		
Geran Pelancaran	8	7,484,341
		7,484,341

# PENYATA **PENDAPATAN**

bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2011

	Nota	2011 RM
<b>HASIL DAN PENDAPATAN</b>		
Peruntukan Kerajaan Malaysia	8	10,578,605
Hibah / Faedah Bank		47,975
		10,626,580
<b>Tolak : BAYARAN</b>		
Emolumen		407,724
Tuntutan Perbelanjaan Perjalanan dan Penginapan		341,069
Perbelanjaan Utiliti dan Komunikasi		25,426
Perbelanjaan Sewa		111,241
Susutnilai		24,301
Minyak Petrol		4,699
Perbelanjaan Pejabat		25,053
Perbelanjaan Perkhidmatan		173,030
Elaun Anggota Suruhanjaya		399,735
Perbelanjaan Keraian, Honorarium dan Sumbangan		4,419
Perbelanjaan Pembangunan		1,625,542
		3,142,239
<b>LEBIHAN PENDAPATAN TAHUN SEMASA</b>		<b>7,484,341</b>

# PENYATA **PERUBAHAN EKUITI**

bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2011

	<b>2011</b>
	<b>RM</b>
<b>Pada 1 Jun 2011</b>	–
Lebihan pendapatan bersih bagi tempoh kewangan	7,484,341
<b>Pada 31 Disember 2011</b>	<b>7,484,341</b>

# PENYATA **ALIRAN TUNAI**

bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2011

	<b>2011</b>
	<b>RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>	
Lebihan Pendapatan Bagi Tahun	7,484,341
Pelarasan:	
Susut Nilai	24,301
Faedah Simpanan Tetap	(47,975)
<b>LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM</b>	<b>7,460,667</b>
<b>PERUBAHAN DALAM MODAL KERJA</b>	
Pertambahan Pelbagai Penghutang	(36,488)
Pertambahan Pelbagai Pemiutang	83,738
<b>TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI OPERASI</b>	<b>7,507,917</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PERLABURAN</b>	
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(391,980)
Faedah Simpanan Tetap Diterima	47,975
<b>TUNAI BERSIH DIGUNAKAN UNTUK AKTIVITI PERLABURAN</b>	<b>(344,005)</b>
<b>Penambahan Bersih Dalam Tunai Dan Setara Tunai</b>	<b>7,163,912</b>
Tunai Dan Setara Tunai Pada Awal Tahun	–
<b>Tunai Dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun</b>	<b>7,163,912</b>
<b>Tunai Dan Kesetaran Tunai Diwakili Oleh:</b>	
Tunai Di Bank Dan Di Tangan	4,161,117
Simpanan Tetap	3,002,795
	<b>7,163,912</b>

# NOTA-NOTA KEPADA **PENYATA KEWANGAN 2011**

## **1. Maklumat Am**

- 1.1 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 1 Jun 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713).
- 1.2 Penyata Kewangan tahun 2011 ini telah diluluskan oleh Anggota-Anggota Suruhanjaya melalui resolusi pada 25 Julai 2012.

## **2. Objektif Utama**

Objektif Utama Suruhanjaya Persaingan adalah untuk melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan Akta Persaingan 2010 dan mendidik orang ramai mengenai cara-cara bagaimana persaingan dapat memberi manfaat kepada pengguna dan ekonomi di Malaysia.

## **3. Dasar-dasar Perakaunan Utama**

### 3.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian-PERS).

- 3.2 Suruhanjaya Persaingan Malaysia mendapat geran peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) daripada Kerajaan Malaysia berjumlah RM10,578,605 bagi menampung tanggungan kewangan & perbelanjaan modal Suruhanjaya.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan 2011 (Sambungan)

### 3. Dasar-dasar Perakaunan Utama (sambungan)

#### 3.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai mengikut asas garis lurus berdasarkan tempoh anggaran hayat, adalah seperti berikut.

Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat dan perabot	10%
Buku	10%
Komputer	10%

#### 3.4 Susutnilai Aset

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, aset akan dinilai sama ada terdapat sebarang tanda susutnilai aset. Sekiranya terdapat sebarang tanda sedemikian, anggaran bagi jumlah aset yang diperolehi semula akan dilakukan. Kerugian susutnilai nilai akan diiktiraf jika jumlah dibawa sesebuah aset menjana tunainya melebihi jumlah aset yang diperolehi semula.

Jumlah yang diperolehi semula bagi sesuatu aset adalah nilai penggunaan dan harga jualan bersih yang lebih besar di mana ia diukur dengan menggunakan nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya.

Kerugian susutnilai nilai akan dicaj pada penyata pendapatan, kecuali terdapat pembalikan susutnilai nilai. Kerugian susutnilai nilai ditimbal balik hanya diiktiraf apabila jumlah aset dibawa tidak melebihi jumlah yang mungkin ditentukan sekiranya tiada kerugian susutnilai.

#### 3.5 Pengiktirafan Pendapatan dan Hasil

Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkau tempoh matang.

Peruntukan kerajaan Malaysia yang diterima bagi tujuan kos projek pembangunan dan perbelanjaan mengurus dibuat serta diambilkira sebagai pendapatan.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan 2011 (Sambungan)

### 3. Dasar-dasar Perakaunan Utama (sambungan)

#### 3.6 Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai merangkumi baki tunai dalam tangan, dan bank serta deposit berkecairan tinggi dan mampu ditukar kepada tunai tanpa risiko jangka pendek.

#### 3.7 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. Suruhanjaya akan mempertimbangkan dan menilai risiko pengurusan kewangan yang dibangkitkan dari masa ke semasa.

##### I. Risiko Kadar Faedah

Suruhanjaya membiayai operasi-operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

##### II. Risiko Kredit

Suruhanjaya tidak berurus niaga secara kredit yang material dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kredit.

##### III. Risiko Pertukaran Matawang Asing

Suruhanjaya tidak mempunyai urus niaga pertukaran mata wang asing dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

##### IV. Risiko Mudah Tunai

Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang hemat bagi meminimakan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan serta untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan 2011 (Sambungan)

### 3. Dasar-dasar Perakaunan Utama (sambungan)

#### 3.8 Manfaat Pekerja

##### I. Manfaat Jangka Pendek

Gaji, elaun, imbuhan, insentif dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun perkhidmatan yang berkaitan diberikan kepada pekerja.

##### II. Pelan Caruman Tetap

Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") wajib dicarumkan mengikut perundangan di Malaysia. Caruman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan.

### 4. Hartanah, Loji dan Peralatan

Kos	Kenderaan	Perabot dan	Buku	Komputer	Jumlah
	Bermotor	Kelengkapan			
	RM	Pejabat	RM	RM	RM
Penambahan	336,466	22,361	16,988	16,165	391,980
Baki pada 31 Disember 2011	336,466	22,361	16,988	16,165	391,980
<b>Susut Nilai Terkumpul</b>					
Susut Nilai	23,027	729	25	520	24,301
Baki pada 31 Disember 2011	23,027	729	25	520	24,301
Nilai Buku Bersih	313,439	21,632	16,963	15,645	367,679



## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan 2011 (Sambungan)

### 5. Deposit dan Prabayar

	<b>2011</b>
	<b>RM</b>
Deposit sewa pejabat	1,320
Deposit elektrik	5,000
Lain-lain deposit dan cagaran	13,520
Prabayar	4,198
	<b>24,038</b>

### 6. Simpanan Tetap

	<b>2011</b>
	<b>RM</b>
Bank Kerjasama Rakyat	3,002,795
	<b>3,002,795</b>

Kadar faedah bagi simpanan tetap adalah di antara 3.40% - 3.45% dan tempoh simpanan adalah di antara 1 hingga 3 bulan.

### 7. Wang Tunai dan Baki Bank

	<b>2011</b>
	<b>RM</b>
Tunai dalam tangan dan bank	4,161,117
	<b>4,161,117</b>

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan 2011 (Sambungan)

### 8. Geran Penubuhan / Geran Pelancaran

	<b>2011</b>
	<b>RM</b>
Baki pada 01/06/2011	–
Campur :	
Peruntukan Kerajaan Persekutuan	10,578,605
Pendapatan Faedah	47,975
	<b>10,626,580</b>
Tolak :	
Perbelanjaan Operasi	(3,142,239)
Baki pada 31/12/2011	<b>7,484,341</b>

### 9. MyCC dalam proses memohon pengecualian cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

# Hubungi **Kami**

## **Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Tingkat 15, Menara SSM@Sentral,  
No.7 Jalan Stesen Sentral 5,  
Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.

T : +603-2273 2277

F : +603-2272 1692, +603-2273 2277

E : [enquiries@mycc.gov.my](mailto:enquiries@mycc.gov.my)

[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

***[www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)***